

Mengembalikan Kegemilangan Tamadun Melayu-Islam Menerusi Pemupukan Budaya Niaga Berteraskan Akhlak

BUERAH TUNGGAK & HUSSIN SALAMON

ABSTRAK

Budaya dan tamadun memainkan peranan penting dalam mencorakkan rupa bentuk sesuatu bangsa atau masyarakat. Sejarah telah membuktikan bahawa kegemilangan peradaban Islam masa silam lahir daripada bangsa yang mempunyai jati diri dan berpegang teguh terhadap ajaran Islam. Oleh itu penulisan ini akan membincangkan konsep budaya dan tamadun serta pandangan Islam terhadap kelangsungan budaya dan tamadun umat. Seterusnya perbincangan berkaitan pengaruh-pengaruh terhadap perubahan budaya khususnya budaya Melayu menyediakan satu kerangka kepada pembinaan budaya Niaga Melayu-Islam yang perlu diperkasakan. Perkara ini telah terbukti semasa zaman kegemilangan tamadun Islam di Alam Melayu. Penguasaan umat Melayu dalam perdagangan adalah satu bukti menunjukkan peranan tamadun Islam dalam mempengaruhi perkembangan ekonomi dan perdagangan yang sangat signifikan. Bagi merealisasikan hasrat murni ini budaya ilmu yang menjadi teras kepada kekuatan tamadun Islam perlu diperkukuhkan dalam kalangan masyarakat Melayu termasuk golongan peniagaannya. Sungguhpun begitu penguasaan terhadap budaya ilmu termasuk yang berkaitan dengan perkembangan ICT terkini perlu berteraskan akhlak Islam yang akan membentuk sikap keusahawanan yang beretika dalam kalangan usahawan Bumiputera-Muslim. Oleh yang demikian usaha berterusan melalui pendidikan formal dan tidak formal perlu diperkasakan bagi merealisasikan hasrat mengembalikan kegemilangan tamadun Melayu-Islam melalui pemupukan budaya niaga yang berakhlak.

Kata kunci: tamadun, budaya, budaya niaga, pemupukan, pendidikan tidak formal, Melayu-Muslim, akhlak

ABSTRACT

Culture and civilisation played an important role in shaping society. History has proven that the past glory of Islamic civilisation has emerged from the people who have high self-esteem and adhere to the teachings of Islam. Therefore this paper will discuss the concept of culture and civilisation and the continuity of culture and civilisation from the Islamic perspective. This was evident during the golden age of Islamic civilisation in the Malay World. The Malays

domination of commercial and business, long time ago, proves that the influence of Islamic civilisation on economic development was highly significant. In order to realize this noble cultural knowledge that form the core of civilisation, the Malay community should be strengthened particularly their business traders. However mastery of cultural knowledge, including those related to the latest ICT developments should be based on Islamic morality that forms the ethical entrepreneurial attitude among-Muslim Bumiputera entrepreneurs. Therefore, continuous efforts to foster a culture of ethical business through formal and informal education should be strengthened in order to bring back the glory of Malay-Islamic civilisation.

Key words: civilisation, culture, business culture, fertilisation, non-formal education, Malay-Muslims, morals

PENGENALAN

Usaha bagi mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) memerlukan satu pendekatan yang menyeluruh dan mantap. Justeru, penekanan yang khusus kepada pembentukan sikap dan pembinaan akhlak peribadi yang cekap dan luhur dalam kalangan usahawan Melayu-Muslim menjadi prasyarat yang penting. Pembentukan sikap dan pembentukan akhlak tersebut akan menjamin usahawan Melayu-Muslim dapat berperanan secara efektif, mampu bersaing dan menjadi penentu kepada kejayaan ekonomi negara secara berterusan.

Di samping sikap dan perilaku berintegriti, usahawan Melayu-Muslim juga perlu memiliki wawasan yang jauh, berfikiran kritikal serta optimis. Pandangan yang sentiasa jauh ke hadapan sangat perlu memandangkan perkembangan perniagaan sekarang lebih mencabar dan cara perniagaan juga sentiasa berubah dengan begitu pantas. Mereka juga harus lahir sebagai generasi usahawan yang berdaya saing, berdaya tahan, dan turut memahami keadaan ekonomi, politik, dan budaya. Namun dalam masa yang sama mereka perlu berpegang teguh terhadap nilai dan etika Islam termasuk yang berkaitan dengan perniagaan. Tanpa kefahaman yang jelas, usahawan Melayu-Muslim tidak akan berupaya menguasai perkembangan ekonomi dan perdagangan semasa. Kefahaman tersebut dapat membentuk perspektif yang menyeluruh bagi membolehkan mereka berperanan secara berkesan, relevan dan progresif.

KONSEP BUDAYA DAN TAMADUN

Perkataan budaya berasal daripada bahasa Sanskrit '*buddhayah*' yang merupakan bentuk jamak daripada kata budi atau akal. Oleh yang demikian kebudayaan diertikan sebagai hal-hal yang bersangkutan dengan budi atau *aqal* (Soerjono Soekanto 1990). Istilah '*culture*' pula merupakan istilah bahasa Inggeris yang sama ertinya dengan kebudayaan berasal daripada perkataan Latin '*colere*' yang maksudnya mengolah atau mengerjakan iaitu mengolah tanah atau bertani. Berdasarkan asal perkataan '*colere*' lahirlah perkataan '*culture*' yang diertikan sebagai segala daya dan kegiatan manusia untuk mengolah dan mengubah alam (*Webster's New Twentieth Century Dictionary* 1978).

Kamus Dewan (2005) mentakrifkan istilah budaya sebagai tamadun yang boleh pula dikaitkan sebagai kemajuan dan juga peradaban. Istilah tamadun pula telah diberikan beberapa takrifan berdasarkan bidang pengkajian tertentu. Menurut sebahagian ahli-ahli antropologi, tamadun bermaksud tingkah laku yang diperolehi melalui pengalaman dan pelajaran. Pendapat lain pula menekankan, tamadun bukanlah tindak tanduk tetapi merupakan sesuatu yang diambil daripada tindak tanduk. Dalam pengertian ilmu pengetahuan manusia, masalah asal usul tamadun merupakan satu ilmu yang baru. Sebelum tahun 1843, tamadun dalam bahasa-bahasa Eropah membawa maksud ilmu perkebunan atau mengusahakan tanah. Para peladang yang mendapatkan hasil daripada mengusahakan bumi, menganggap diri mereka berada disatu tahap yang lebih tinggi berbanding mereka yang menjadi pemburu dan nelayan (Usman Syihab 2004).

Ahli Sosiologi terkenal Edward Burnett Tylor (1832-1917) mendefinisikan kebudayaan sebagai keseluruhan yang kompleks di mana terkandung di dalamnya ilmu pengetahuan, kepercayaan, kesenian, akhlak, undang-undang, adat istiadat dan lain-lain kebolehan serta kebiasaan yang dicapai oleh seseorang sebagai anggota masyarakat (Morish 1972). Sementara itu Morish (1972) menggambarkan budaya sebagai keadaan masyarakat yang dinamik dan sentiasa mengalami perubahan mengikut masa. Menurutnya lagi budaya merupakan sesuatu yang dibina oleh generasi masa lalu dan diwariskan kepada generasi yang berikutnya. Dalam hal ini terdapat dua perkara penting yang diwariskan, pertama, ciri-ciri sesuatu budaya yang menguntungkan dan produktif disusun dalam masyarakat secara teratur dan kedua, nilai yang merupakan integrasi sosiologi atau kemasyarakatan yang dapat dibandingkan dengan masyarakat lain. Bates dan Julian (1975) pula menekankan budaya sebagai

apa sahaja yang manusia pelajari dan pelihara daripada himpunan pengalaman masa lalu dan dipindahkan kemasa hadapan melalui pembelajaran.

Pengkaji yang lain seperti Margeret Mead (1901-1978) dalam Sardar (1979) menyatakan kebudayaan adalah istilah yang digunakan terhadap keseluruhan bahagian, tingkah laku yang dialami bersama, diperolehi melalui pengalaman dan pengajaran bagi sebuah masyarakat atau sebuah kumpulan kecil. Terdapat tiga rangkaian bagi dasar takrif kebudayaan baik ia berbentuk tingkah laku yang diperolehi daripada pengalaman atau yang bersifat '*aqliah*' atau yang bersifat benda seperti kapak atau bahan pemecah iaitu; pertama, sains kemasyarakatan moden menganggap budaya hanya sebagai sesuatu yang berjalan seperti mesin dan kerana itu pada dasarnya ia merupakan hasil tindak tanduk manusia. Oleh yang demikian, tindak tanduk menggariskan kebudayaan tetapi kebudayaan tidak menentukan tindak tanduk manusia; kedua, berikutan daripada pandangan yang mementingkan mesin dan tindak tanduk manusia dalam kaitannya dengan kebudayaan maka diandaikan bahawa tidak ada tempat atau peranan dalam kebudayaan bahawa manusia mempunyai kebebasan untuk memilih dan ketiga, diandaikan bahawa konsep kebudayaan adalah bebas daripada nilai-nilai dan di luar pengaruh peraturan etika akhlak atau kesusilaan (Sardar 1979).

Beberapa pandangan di atas jelas menggambarkan bahawa budaya meliputi aspek yang luas dan sangat diperlukan oleh masyarakat manusia, di dalamnya terkandung norma dan nilai yang sentiasa menerima perubahan. Pandangan Tylor yang memasukkan kepercayaan sebagai teras agama adalah menunjukkan satu daripada ciri-ciri kebudayaan yang sentiasa menerima perubahan, begitu juga pandangan Mead bahawa kebudayaan adalah bersifat bebas nilai dan tidak dipengaruhi oleh peraturan akhlak. Perkara tersebut berbeza dengan kebudayaan Islam yang di bentuk oleh kepercayaan Islam itu sendiri, membawa maksud bahawa lahirnya kebudayaan dalam Islam merupakan hasil daripada agama Islam itu sendiri (Abdul Rahman Nawas et al. 1995). Hubungan antara kepercayaan dengan budaya mengikut pandangan Islam akan dihuraikan dengan lebih lanjut dalam bahagian yang seterusnya.

PANDANGAN ISLAM TERHADAP BUDAYA

Kebudayaan dalam konteks Islam bukan semata-mata satu kumpulan tindak balas dan bukan pula satu kumpulan tindakan, kesusasteraan dan

sains, malahan ia bukan semata-mata gaya hidup atau ragam kewujudan. Sebenarnya perkara-perkara yang disebutkan itu adalah hasil daripada penjelmaan kebudayaan dan bukannya kebudayaan itu sendiri. Sarjana Islam terkenal Ibnu Khaldun dalam karya agungnya '*al Muqaddimah*' memberikan huraian yang cukup mendalam berkaitan konsep budaya atau tamadun. Beliau menggunakan istilah '*umaran*' berasal daripada perkataan '*hadarah*' yang dikaitkan dengan peradaban iaitu organisasi sosial manusia yang melengkapinya tujuan kehidupan manusia (Mukadimah Ibn Khaldun 1995). Dalam penghujahannya, beliau menekankan kehidupan bertamadun itu merujuk kepada kemakmuran dan pencapaian taraf hidup yang berteraskan agama

Muhammad Abdul Rauf (1994:240) mendefinisikan kebudayaan mengikut perspektif Islam sebagai,

The total sum of the revealed truths and guidance enshrined in the Holy Quran and the Sunnah, in addition to the elements blended with it through its historical experience. The core of this culture is revealed knowledge...

Dapat disimpulkan kebudayaan dalam Islam adalah satu sikap pemikiran, pandangan pemikiran dan pandangan hidup. Kebudayaan Islam adalah penjelmaan kehidupan berdasarkan prinsip-prinsip ajaran Islam yang bersumberkan *al Quran* dan *al Sunnah* (Marzuki Mahmood & Kamis Ismail 1997). Oleh itu tidak ada tamadun yang sempurna terbina tanpa berpandukan kedua-dua sumber tersebut. Perkara ini menjelaskan bahawa kebudayaan Islam sebagai sebahagian daripada *ad-Din* Islam itu sendiri dan hal ini amat berbeza dengan pandangan barat yang menganggap agama adalah sebahagian daripada kebudayaan. Sebaliknya sesuatu kebiasaan itu akan terus berkekalan pengamalannya apabila ahli masyarakat merasakan ia amat sesuai diamalkan mengikut keadaan semasa. Sungguhpun begitu, bagi umat Islam kebudayaan merupakan satu penampilan untuk menjadi contoh kepada masyarakat sama ada daripada sudut sosial, ekonomi mahupun politik.

Asas pandangan Islam terhadap budaya atau tamadun terletak pada kefahaman dan kepercayaan yang menjadi dasar Islam itu sendiri iaitu kepercayaan kepada keEsaan Allah, kerasulan Muhammad S.A.W., kehidupan akhirat, kemuliaan umat dan kesatuan umat manusia. Kepercayaan yang asas ialah kepercayaan kepada Allah Yang Esa dan apabila asas tauhid diterima, maka perkara-perkara lain dapat diterima. Kepercayaan kepada Tuhan melahirkan sikap pemikiran tertentu yang membentuk kesedaran kemasyarakatan berakal dan kerohanian dalam

diri orang-orang Islam. Ini merupakan peringkat paling mulia di dalam perkembangan manusia yang bermakna dan ia membayangkan kebebasan daripada semua prasangka dan anggapan serta menganjurkan satu pendekatan yang tajam dalam kajian hayat dan juga penyelidikan alam semesta dan peraturan-peraturan-Nya. Tepatlah sebagaimana diungkapkan oleh al Faruqi (1992) bahawa keseluruhan budaya, tamadun atau sejarah terletak pada satu ungkapan kalimah sahaja iaitu kalimah *al shahadah* atau *al tawhid* yang terkandung di dalamnya ungkapan *la ilaha illa al-Lah* (tiada tuhan melainkan Allah). Dengan kalimah '*al tawhid*' dapat memberikan wajah kepada tamadun Islam yang membezakannya daripada tamadun-tamadun lain ciptaan manusia.

Dalam memberikan pengertian berkaitan kebudayaan daripada perspektif Islam, Sidi Gazalba (1983) menghubungkan kebudayaan dengan '*Dien*' Islam. Menurutnya '*Dien*' Islam tidak hanya mengatur hubungan manusia dengan Allah tetapi juga mengatur hubungan manusia dengan manusia (termasuk hubungan dengan alam). Hal ini bermaksud '*Dien*' Islam mengandungi dua perkara utama; pertama, agama iaitu melibatkan hubungan manusia dengan Allah dan kedua, kebudayaan yang melibatkan hubungan manusia dengan manusia (termasuk dengan alam). Tamadun Islam lahir daripada keadaan kehidupan manusia bergelar masyarakat Islam yang telah mencapai taraf kehalusan tatasusila dan kebudayaan dengan dipandu oleh kepercayaan agama Islam itu sendiri (Abdul Rahman Nawas et al. 1995).

Seterusnya Sidi Gazalba (1983, 1986) mendefinisikan kebudayaan sebagai cara berfikir dan cara merasa dalam seluruh kehidupan sekumpulan manusia yang membentuk masyarakat atau ringkasnya cara hidup (*way of life*). Cara hidup pula meliputi seluruh aspek kehidupan yang mengandungi pola kebudayaan sejagat atau '*universal cultural*' yang terdiri daripada politik, ekonomi, sosial, ilmu pengetahuan, teknologi, falsafah dan agama. Gagasan tersebut dibentuk dan diamalkan dalam hubungan manusia dengan manusia yang menjelaskan bahawa kebudayaan melibatkan hubungan manusia dengan manusia dan manusia dengan alam dengan didasari oleh hubungan antara manusia dengan Penciptanya.

Perkataan kebudayaan dalam bahasa Arab disebut antaranya dengan menggunakan kalimat *al-thaqafah* bermaksud keseluruhan cara hidup dan berfikir serta nilai-nilai dan sikap, termasuk institusi-institusi serta artifak-artifak yang membantu manusia dalam hidup, yang semuanya itu timbul dan berkembang serta disuburkan dalam acuan syariat Islamiah dan sunnah Nabi S.A.W. Kalimah tersebut datangnya daripada kata dasar *Thaqafah* maksudnya membetulkan sesuatu, atau mendidik seseorang

atau menjaganya. Daripada sudut bahasa, kalimah *thaqafah* itu mengandungi maksud ketajaman, kecerdasan dan kecerdikan akal, dan keahlian yang tinggi hasil pendidikan yang dilalui; ataupun kedudukan yang berdisiplin timbul daripada usaha tarbiah yang dilaksanakan. Ianya lebih menunjukkan pembentukan diri manusia sebagai insan dilihat daripada sudut akal dan budi serta disiplin dirinya sebagai makhluk rohaniah dan akliah. Apabila aspek-aspek ini wujud dengan baiknya dalam diri seseorang itu maka dengan sendirinya aspek-aspek lain dalam hidupnya terbentuk sama, oleh kerana inilah yang menjadi paksi bagi dirinya, sebagai makhluk yang *theomorphic* (el-Muhammady 2008).

Berbeza dengan tamadun barat yang hanya berusaha melahirkan hubungan harmonis antara sesama manusia dan antara manusia dengan alam atas dasar perhubungan berbentuk material semata-mata, tamadun Islam sebaliknya bercita-cita melahirkan keharmonian dalam tiga dimensi, iaitu antara manusia dengan manusia, manusia dengan alam dan manusia dengan Penciptanya (Abd. Rahman Nawas et al. 1995). Realitinya sesuatu tamadun tidak akan dianggap mempunyai nilai-nilai kemanusiaan kecuali setelah ia mendokong kemajuan kebendaan dan kerohanian secara sepadu. Hal yang sedemikian menunjukkan sesuatu tamadun bukan hanya dinilai berasaskan kemajuan sains, teknologi dan pembangunan ekonomi sebaliknya perlu mengambilkira sejauhmana tamadun berkenaan berjaya memenuhi tujuan-tujuan kemanusiaan yang baik berlandaskan prinsip-prinsip akhlak yang luhur (Marzuki Hj. Mahmood & Kamis Ismail 1997; Shahrir Mohd. Zain 1996).

Tegasnya, konsepsi Islam terhadap budaya menepati dengan apa yang dikemukakan oleh beberapa orang tokoh sarjana Islam, antaranya seperti al Faruqi (1980:1) yang menyimpulkan konsep budaya seperti berikut:

Culture is sometimes translated as thaqafah that means the act of becoming more intelligent or knowledgeable. It is more proper to translate it as adab which is the classical tradition mean 'hasn', 'beauty', goodness as prophet had said himself "made it a good culture".

Hasil perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa budaya daripada perspektif Islam berperanan membentuk individu Muslim yang bertepatan mengikut kehendak Islam. Penulis juga bersetuju dengan pendapat al Faruqi bahawa ilmu pengetahuan memainkan peranan penting dalam mencorakkan budaya sesuatu masyarakat. Budaya juga bukanlah sesuatu yang bersifat '*jumud*', statik atau tidak menerima perubahan sebaliknya ia mempunyai

ciri dinamisme dan sentiasa mengalami perubahan. Malah mengikut pandangan Islam, budaya yang baik yang telah ada dalam sesuatu masyarakat tetap diakui dan diterima sebagai sebahagian daripada kebudayaan Islam setelah masyarakatnya memeluk agama Islam.

Keseluruhan budaya menyediakan satu kefahaman peri pentingnya budaya sebagai suatu alat mencapai pembangunan. Pembangunan merupakan fenomena yang mengandungi implikasi moral dan intelektual individu dan komuniti justeru pemahaman terhadap pembangunan dan pemodenan perlulah menumpukan kepada nilai budaya. Dalam hal ini apa jua komponen budaya adalah berguna bagi menegaskan lagi bahawa budaya menjadi suatu yang sangat penting sebagai satu alat untuk mencapai pembangunan. Budaya adalah lapangan peningkatan dan kreativiti, sekiranya peranan sebenar budaya dihargai, manusia akan menyaksikan pembangunan dalam bentuk pertumbuhan kebudayaan yang menyeluruh (Report of the World Commission on Culture and Development 1995).

Dalam hal ini budaya yang meliputi nilai, simbol, adat resam serta institusi dalam masyarakat memberikan kesan terhadap hasil dan keputusan ekonomi, malah aktiviti-aktiviti ekonomi adalah sebahagian daripada budaya. Sistem nilai sesuatu budaya memberi arahnya kepada sistem ekonominya, oleh itu sama ada sesuatu sistem ekonomi itu boleh berlaku adil bergantung kepada sistem nilai budaya yang melenturnya (Abdul Rahman Embung 2003). Dalam kedua-dua proses pembangunan dan budaya yang saling melengkapi, pendidikan memainkan peranan sangat penting sebagai alat memindahkan dan membina budaya dalam bentuk tindakan. Proses pendidikan berlaku berterusan dalam sesuatu budaya termasuk pengaruh budaya yang diasimilasi daripada masyarakat lain. Sebagaimana yang berlaku kepada budaya lain di dunia, budaya masyarakat Melayu juga telah mengalami perubahan kesan pertembungan dengan budaya masyarakat lain.

BUDAYA MASYARAKAT MELAYU

Istilah alam Melayu merupakan satu kawasan budaya yang kaya dan luas, dikenali juga sebagai rumpun budaya Melayu-Polnesia. Ia merangkumi Malaysia, Singapura, Indonesia, Brunei, Filipina, Selatan Thai, Selatan Burma, IndoChina (khususnya Vietnam dan Kemboja), Malagasi, Sri Langka dan Taiwan (Ismail Hussein 1996). Daripada sudut antropologi, ia meliputi sebuah penempatan yang dikenali sebagai kawasan “*malay archipelago*” iaitu kawasan di mana diamnya kelompok masyarakat yang

diklasifikasikan sebagai Melayu (Nik Anuar 1999). Sejarah kebudayaan Melayu berkembang mengikut peredaran zaman, bermula dengan perkembangan zaman antah-berantah hinggalah zaman kekuasaan kerajaan Melayu hingga awal abad ke 15, diikuti oleh zaman penjajahan Barat, kemerdekaan hinggalah sekarang.

Polemik Pengaruh Hinduisme, Budhisme dan Islam

Sebelum agama Hindu dan Buddha disebarkan ke Alam Melayu, sudah wujud fahaman agama yang dianuti oleh masyarakat Melayu dirantau ini iaitu fahaman animisme dan tantrayana. Agama Hindu merupakan antara agama terawal menjadi anutan masyarakat Melayu di Alam Melayu yang dicampur-aduk dengan kepercayaan animisme yang telah berakar umbi. Penyebaran agama Hindu telah dilakukan oleh pedagang-pedagang India yang mengambil keputusan menetap di kawasan yang sesuai dengan perdagangan mereka dan berkahwin dengan wanita tempatan. Peranan pedagang India turut dibantu oleh propaganda mubaligh Hindu, yang bergerak secara aktif menyebarkan agama, kesenian, kesusasteraan dan pemikiran sosial Hindu. Namun begitu, kajian yang mendalam oleh sarjana barat mendapati bahawa agama tersebut hanya “merupakan amalan suatu lapisan tipis struktur masyarakat” (al Attas 1972, 2003) terdiri daripada kalangan raja dan pembesar dan dipertahankan oleh golongan tersebut. Oleh itu masyarakat Melayu sebenarnya bukanlah masyarakat Hindu dan agama Hindu juga tidak dapat merubah pandangan hidup masyarakat di alam Melayu.

Begitu juga dengan apa yang berlaku kepada agama Buddha yang telah bertapak di Nusantara semenjak abad ke enam lagi. Walaupun kesan-kesan peninggalan agama Buddha boleh dilihat sebagai antara tujuh bangunan ajaib di dunia, ia tidak pula menggambarkan kekuatan ajaran Buddha dalam kalangan orang Melayu di rantau ini apatahlagi di Tanah Melayu. Perkara ini ditegaskan oleh Ryan (1965) dalam Amran Kasimin (1995) bahawa Hinduisme menjadi agama yang lebih dominan berbanding dengan Budhisme dalam kalangan orang Melayu. Sungguhpun begitu menurut Amran Kasimin (1995) bukan mudah menggariskan dengan jelas pembahagian antara kesan Hinduisme dan Budhisme, maka perkataan Indianisasi atau diindikan lebih sesuai digunakan.

Al Attas (1972, 2003) sebaliknya tidak bersetuju dengan pendapat ahli-ahli sarjana barat yang menyebarkan fahaman bahawa masyarakat Melayu seolah masyarakat penyaring dan penapis serta penyatu unsur murni dan agung agama Hindu, Buddha dan Islam atau lebih tepatnya

fahaman yang menyifatkan daya sinkretis terhadap masyarakat Melayu. Pengaruh agama Islam sebaliknya dapat dilihat dalam semua aspek kehidupan; mencetuskan revolusi dan memodenkan masyarakat Melayu tradisi (Ismail Hamid 1985). Penganalisis-penganalisis lain seperti Mohd Taib Osman (1989) dan Abdullah Ishak (1992) turut berkongsi idea dan menambah bahawa kedatangan Islam telah membawa berbagai perubahan tetapi masih terdapat unsur-unsur tradisi atau fahaman yang bercanggah dengan Islam meneruskan pengaruhnya.

Dalam pada itu kedatangan Islam telah menandakan bermulanya satu era baru dalam politik dan sosio-budaya masyarakat Melayu dan Nusantara. Proses Islamisasi di Alam Melayu atau Nusantara yang berlangsung selama lima ratus tahun telah memberi kesan yang besar di mana dalam jangka waktu tersebut telah berlaku transformasi budaya dalam masyarakat Melayu. Mohamad Abu Bakar (2005) menegaskan bahawa pembabitan Islam selama lebih tujuh ratus tahun telah memberi asas baru kepada kehidupan individu dan sosial masyarakat Melayu, namun tidak pula bermakna bangsa Melayu telah muncul menjadi umat yang sepenuhnya mewakili nilai Islam. Apa yang jelas ialah orang Melayu beragama Islam, kebudayaan Melayu diIslamkan dan Islam dibudayakan sehingga ciri-ciri yang bertentangan dengan ajaran Islam turut berkembang. Tegasnya Islam sebagai budaya dominan dalam kalangan masyarakat Melayu belum berjaya melangkaui kerangka lamanya, sekalipun ia begitu berpotensi bertindak sedemikian.

Walaupun agama Islam adalah agama dominan masyarakat Melayu sehingga boleh dikatakan setiap orang Melayu di Malaysia adalah orang Islam, namun daripada sudut penghayatan terhadap ajaran Islam itu sendiri banyak bergantung kepada pemahaman setiap individu. Al Attas (1994) mengaitkan perkara tersebut dengan masalah kekeliruan ilmu dalam kalangan umat Islam sehingga menyebabkan Islam tidak dapat dilihat dalam bentuknya yang sebenar. Dengan mengakui pandangan Syed Muhammad Naquib al Attas, Syamsul Alam MS (1994) dan Mohamad Abu Bakar (2000) berpendapat kekeliruan ilmu ini berlaku kerana pembinaan agama Islam ke dalam masyarakat Melayu belum mantap semasa kejatuhan kerajaan Islam Melaka. Sebagai akibatnya bukan kepercayaan Islam sahaja yang mendasari kebudayaan Melayu, sebaliknya pelbagai pengaruh kepercayaan animisme, kepercayaan Hindu dan Budha turut meresapi tata cara kehidupan masyarakat Melayu (Syamsul Alam MS 1994; Amran Kasimin 1995; Mohamad Abu Bakar 2000). Mohd. Taib Osman (1989:1) dalam membahaskan perkara ini menyatakan:

The Malays have been Muslims for at least five hundred years, but their beliefs and rituals do not preclude elements which are incompatible with the strict tenets of Islam. Side by side with official Islamic beliefs and practices, we find a hybrid body of notions and rituals composed of three principal elements: animistic retentions from the Old Indonesian civilization, traces from the Hindu period of Malay history, and popular Islamic practices which stand outside the strict dogmas of the religion. The presence of disparate elements in Malay folk belief is therefore a historical phenomenon mirroring the socio-cultural history of the people.

Kesan Penjajahan British Terhadap Budaya Masyarakat Melayu

Selain daripada unsur-unsur fahaman animisme, Hindu dan Buddha, budaya masyarakat Melayu juga telah menerima pengaruh negatif fahaman budaya barat kesan penjajahan Portugis dan Inggeris. Al Attas (1994: 14) dalam mengulas mengenai pengaruh falsafah kebudayaan barat terhadap nilai-nilai hidup Islam menyatakan:

Zaman kita kini juga sedemikian keadaannya, di mana kita sentiasa menghadapi cabaran pemikiran akibat kehidupan kita kini, yang dikelilingi dan dijangkiti oleh pelbagai penyakit menular dari kuman faham falsafah Barat moden serta dasar-dasar sains, teknologi yang lahir darinya, dan ideologi yang disembarkannya, yang berusaha menyeludup menjaral ke dalam segala sistem nilai hidup, akhlak, pemikiran dan kepercayaan serta keseluruhan cara hidup kita, sebagai daya usaha yang bersungguh-sungguh bagi membawa perubahan yang melampau yang lebih bersesuaian dengan pandangan hidup sekular mereka sendiri.

Kesan penjajahan barat turut juga mengubah budaya keusahawanan dalam kalangan masyarakat Melayu. Alatas (1989) menghuraikan secara mendalam mengenai lenyapnya ciri-ciri keusahawanan dan hilangnya golongan pedagang Melayu yang satu ketika menguasai perdagangan di Asia Tenggara adalah kesan kolonialisme Barat. Menurut beliau golongan pedagang Melayu dan Jawa ketika itu, merujuk kepada komuniti pedagang yang mengimport dan mengeksport komoditi atas 'dasar mandiri', menyediakan modal, membiayai urusan niaga, mengatur kapal secara besar-besaran serta menggunakan kapal yang paling maju pada waktu itu untuk berdagang ke tempat-tempat yang jauh. Menjelang akhir abad ke 18 mereka merupakan pedagang pribumi yang menjadi antara pedagang besar antarabangsa 'yang mandiri' (Alatas 1989), yang membiayai kegiatan dan mengatur perkapalan sendiri. Penguasaan mereka dalam

perdagangan terbukti dengan kenyataan bahawa pedagang asing bergantung kepada mereka untuk perkapalannya sedangkan pada waktu itu pedagang Cina belum lagi menjadi pengantara yang kuat dalam struktur perdagangan serantau. Penggunaan bahasa Melayu yang meluas sebagai bahasa penghantar dan bahasa rasmi dalam urusan niaga dan surat menyurat serta diplomatik jelas menunjukkan pengaruh Melayu dalam perdagangan dan perniagaan. Sutan Takdir Alisjahbana (1988) dalam bukunya 'Kebudayaan Sebagai Perjuangan' turut berkongsi pandangan dengan memperihalkan bahawa dasar-dasar perekonomian Islam telah dibangunkan dengan begitu kukuh di zaman kegemilangan kerajaan Islam di alam Melayu. Golongan pedagang Islam pada ketika itu merupakan golongan yang sangat cintakan ilmu pengetahuan dan sentiasa menambahkan ilmu pengetahuan sepanjang hidup mereka serta tidak terpedaya dengan fahaman mistik yang banyak menular dalam kalangan masyarakat petani.

Kehilangan ciri-ciri keusahawanan Melayu yang disebabkan kejatuhan penguasaan pedagang Melayu merupakan satu proses bertahap bermula pada abad ke 17 apabila Belanda menguasai Indonesia dan kehadiran Portugis di Tanah Melayu. Menjelang abad ke-18 perdagangan Melayu dan Jawa berpindah pusatnya di Riau yang dianggap merupakan pusat perdagangan dan pelabuhan dagang penting terakhir diurus oleh pribumi. Kejatuhan pedagang Jawa disebabkan oleh penguasa Mataram membatasi kegiatan perdagangan rakyatnya dengan melarang rakyat Pulau Jawa belayar ke luar negeri sebaliknya pemerintah Belanda menguasai sendiri usaha-usaha eksport dan import. Di Tanah Melayu pula Syarikat Hindia Timur Belanda membenarkan pemerintah Belanda memonopoli perdagangan pelbagai komoditi penting sepanjang pantai Siak tanpa cukai dan jumlah kapal yang tidak terbatas. Peranan sultan yang bertindak sebagai orang tengah menjual komoditi kepada syarikat asing serta penguasa pribumi tempatan kaum bangsawan yang sanggup menjadi alat kepada Syarikat Hindia Timur mempercepatkan lagi proses penyingkiran pedagang Melayu.

Syamsul Alam MS (1994) merujuk faktor-faktor yang telah memundurkan kebudayaan dan peradaban Melayu kepada beberapa faktor namun faktor terpenting ialah kejatuhan Kesultanan Melayu Melaka di tangan Portugis yang membawa perubahan '*fundamental*' terhadap struktur perekonomian orang Melayu. Kejatuhan kuasa politik telah melemahkan ekonomi dan penguasaan perdagangan orang Islam diganti oleh etnik timur yang lain seperti bangsa Cina yang sehingga sekarang mendominasi perdagangan dirantau ini. Sebaliknya minat, bakat dan

keahlian masyarakat Melayu dalam bidang perdagangan semakin merosot sementara sifat-sifat keusahawanan seperti kreatif, inovatif dan dinamik tidak lagi membudaya dalam kehidupan mereka dan sehingga kini tidak ramai orang Melayu yang berjaya dalam kegiatan keusahawanan yang penuh dengan cabaran.

Perubahan yang '*fundamental*' daripada sektor perdagangan kepada sektor pertanian telah membawa kesan kepada perubahan kebudayaan Melayu. Perkara ini dapat dilihat daripada segi sikap, pandangan hidup dan institusi sosial petani yang kemudiannya sangat mempengaruhi perkembangan kebudayaan Melayu. Pergantungan kepada tanah, sikap menghormati tempat tinggal, tidak mencari keuntungan untuk diri sendiri, mengamalkan hidup sederhana dan tidak mementingkan keduniaan sangat mempengaruhi pola pemikiran dan sistem nilai masyarakat petani. Ciri-ciri tersebut akhirnya mempengaruhi pola pemikiran masyarakat Melayu daripada masyarakat dinamik dan kreatif dalam kehidupan sosio-ekonominya menjadi masyarakat yang '*fatalisme*'.

Dalam pada itu, dasar-dasar yang dilakukan oleh pembesar-pembesar Melayu turut menyumbang kepada kemerosotan sistem nilai masyarakat Melayu. Shahrudin Maaruf (1988) mengulas pandangan Abdullah Munshi mengenai kemiskinan dan keterkebelakangan dalam kalangan orang-orang Melayu di zaman '*feudalisme*' mempunyai hubungan rapat dengan usaha menindas yang dilakukan oleh pemerintah. Golongan elit pemerintah membunuh inisiatif dan keinginan rakyat untuk bekerja, membiarkan rakyat kekal dalam kebimbangan terhadap ketidakadilan dan keserakahan golongan pemerintah dan bangsawan. Golongan rakyat biasa yang mempunyai lebih wang atau makanan akan dirampas oleh pemerintah menyebabkan mereka merasa lebih selamat untuk terus berada dalam kemiskinan dan mengekalkan sikap malas sepanjang hayat.

Seterusnya penjajahan British ke atas Tanah Melayu telah meminggirkan terus bangsa Melayu daripada arus perkembangan pesat ekonomi dan perdagangan. Walaupun peluang-peluang pendidikan diberi kepada anak-anak Melayu, namun tujuannya adalah untuk mengisi keperluan biasa sebagai petani, nelayan, pesawah padi atau pembawa kereta lembu. Lulusan sekolah Melayu tidak pernah dirancang untuk mengisi kekosongan jawatan dalam perkhidmatan kerajaan, sebaliknya dikhaskan untuk pelajar Melayu lulusan Inggeris, itupun dalam jumlah yang sangat terhad (Adnan Nawang 1998). Tahap pendidikan minimum juga dapat dilihat daripada segi kemudahan fizikal, kurikulum serta mata pelajaran yang diajar, begitu juga melalui kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh pentadbiran Inggeris. Antaranya kenyataan George Maxwell dalam

'*Annual Report*' bagi Negeri-negeri Melayu Bersekutu 1920 (Awang Had Salleh 1981:2)

Tujuan kerajaan bukanlah hendak mengadakan segelintir pemuda yang berpendidikan baik, tidak juga sebilangan budak yang kurang terdidik, melainkan ialah untuk membaiki keadaan bilangan terbesar penduduk dan menjadikan anak Melayu atau petani seorang nelayan atau petani yang lebih cerdik daripada bapanya. Serta menjadikan ia mengerti, menerusi pelajarannya, bahawa peluangnya dalam hidup ini adalah sesuai dengan cara hidup di sekelilingnya.

Kenyataan di atas jelas menunjukkan bahawa pemerintah Inggeris tidak berminat menjadikan anak-anak Melayu mendapat pendidikan terbaik bagi membolehkan mereka membaiki corak kehidupan diri dan keluarga serta menghalang wujudnya kesedaran yang tinggi terhadap kemajuan. Akibatnya masyarakat Melayu terus tertinggal di belakang dan tidak mampu bersaing dengan masyarakat pendatang yang mendapat peluang pendidikan lebih baik dan peluang ekonomi lebih menguntungkan (Azmah Abdul Manaf 2001).

Walaupun kini melalui pelbagai usaha yang dilakukan telah dapat melahirkan segolongan usahawan Melayu yang berjaya, namun beberapa elemen masih memperlihatkan pengaruhnya dalam budaya korporat Melayu. Mohammad Ali Hashim (1996) mengenalpasti tiga faktor penting yang mempengaruhi corak budaya korporat Melayu iaitu budaya korporat melukut, budaya korporat feudal dan budaya korporat penjajahan. Menurut budaya korporat melukut terjadi sebagai pembawaan sikap yang terlalu merendah diri iaitu merasa diri terlalu kecil, tidak diperlukan dan tidak membawa pengaruh kepada pihak lain. Budaya korporat feudal pula memberikan standard kebesaran dan hak memimpin kepada orang perseorangan atau terhadap satu golongan berdasarkan keturunan dan dalam konteks masa kini standard tersebut dikira berdasarkan pangkat atau rakan taulan tetapi daya kepimpinan dan keupayaan membimbing diketepikan. Budaya korporat penjajahan pula menonjolkan ideologi yang bertujuan untuk mengekalkan kepentingan penjajah yang secara tidak langsung juga meneruskan status sebagai bangsa yang terjajah dalam kalangan pribumi.

Jelaslah bahawa kepercayaan agama, adat tradisi dan kesan penjajahan barat telah memainkan peranan penting dalam mencorakkan nilai, sikap dan kehidupan masyarakat Melayu. Masyarakat Melayu memerlukan satu proses pemahaman semula terhadap nilai dan budaya Islam. Pemahaman yang benar berkaitan nilai dan budaya Islam sahajalah berupaya menyedarkan masyarakat Melayu tentang kewajipan

melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang Muslim sebenar dengan mengambilkira warisan berharga yang ditinggalkan oleh generasi terdahulu.

DASAR EKONOMI KERAJAAN DAN PERUBAHAN BUDAYA NIAGA MASYARAKAT MELAYU

Mengimbas kembali sejarah tamadun Islam di rantau ini, perpecahan dan penjajahan telah menjejaskan penguasaan ilmu dalam kalangan umat Islam yang akhirnya bukan sahaja melemahkan penguasaan politik bahkan dalam bidang ekonomi. Perkara ini dapat dilihat daripada peristiwa kejatuhan Kerajaan Islam Melaka yang akhirnya telah menyebabkan penguasaan masyarakat Melayu-Muslim dalam bidang keusahawanan dan perniagaan semakin merosot (Syamsul Alam MS 1994). Peristiwa ini berlanjutan sehinggalah pada zaman penjajahan British, terlalu sedikit masyarakat Melayu yang menceburkan diri dalam bidang yang dianggap berisiko ini (al Habshi 1994). Perkara ini telah disedari oleh salah seorang Residen British di Selangor iaitu George Maxwell yang menyuarakan kekhuatiran beliau dengan menyatakan bahawa kekurangan orang Melayu dalam bidang perniagaan jika dibiarkan boleh mencetuskan ketidakstabilan politik dan sosial antara kaum. Kekhuatiran ini terbukti dengan berlakunya rusuhan kaum pada 13 Mei 1969 (al Habshi 1994).

Justeru, usaha mewujudkan golongan usahawan Bumiputera telah bermula dengan pengenalan DEB pada tahun 1970 dengan matlamat untuk mencapai 30 peratus pemilikan Bumiputera dalam ekuiti saham. Namun usaha-usaha yang lebih serius dalam bidang pendidikan dan latihan juga dilakukan untuk menghasilkan golongan profesional Bumiputera yang sebahagiannya menjalani latihan dalam bidang pengurusan perniagaan. Dengan berakhirnya tempoh pelaksanaan DEB (1970-1990), DPN telah digubal pada tahun 1991 di antara matlamatnya ialah bagi meneruskan usaha mewujudkan satu masyarakat usahawan Bumiputera. Berbeza dengan DEB yang lebih menumpukan kepada usaha menambahkan penguasaan Bumiputera dalam pemilikan saham, DPN menumpukan kepada usaha untuk melahirkan usahawan Bumiputera tulen (Wan Liz Ozman 2000). Dalam jangka masa 1990-2005 pelbagai program, skim dan insentif dilaksanakan untuk melatih usahawan Bumiputera yang digelar tekno-usahawan bertujuan melahirkan usahawan yang mampu berdikari dan bersaing dalam ekonomi pasaran bebas (Wan Liz Ozman 2000). Dalam hal ini Hng Hung Yong (1998:93-94) mengulas,

Mahathir says the Malays must develop a set of value to enable them to compete on all fronts. The New Malays is someone "who has a culture that is suitable to the changing time, who is willing to face all challenges, who can compete without assistance, who is educated and learned, sophisticated, sincere, disciplined, trustworthy and efficient. The New Malays should be an all-rounder, with a wide vision, and capable of restoring the dignity of Muslims and be a model for other Muslims.

Justeru, usaha membangunkan masyarakat Bumiputera seharusnya tidak hanya menumpukan kepada pembangunan bersifat material semata-mata, tetapi apa yang lebih penting ialah membangunkan sikap dan mental kepada pembentukan nilai-nilai budaya baru yang positif dengan merujuk kepada Islam sebagai paksinya. Pembentukan budaya baru ini selaras dengan sembilan cabaran yang terkandung dalam Wawasan 2020 yang perlu dicapai melalui perubahan-perubahan dalam daya pemikiran, peningkatan tahap disiplin diri dan kerohanian, perlakuan dan perhubungan sosial.

Cabaran-cabaran dalam wawasan tersebut memerlukan berlakunya perubahan dalam set minda masyarakat Malaysia dan ia hendaklah berlaku dalam diri setiap individu. Perkara ini bermakna bimbingan untuk memupuk sikap, nilai dan etika yang progresif mestilah bermula daripada dalam diri setiap individu, keluarga, sekolah, institusi pengajian tinggi, di tempat kerja mahupun dalam organisasi sosial (Sulaiman M. Yassin 1995).

Hasrat yang terkandung dalam Wawasan 2020 sebenarnya menepati konsep pembangunan bersepadu (Mohd. Kamal Hassan 1989) atau konsep pembangunan berteraskan Islam (Mohd Syukri Salleh 2001). Pembangunan bersepadu yang dimaksudkan sudah pasti meliputi pembangunan yang komprehensif, merangkumi aspek fizikal dan rohani, atau lebih tegasnya Islam telah diterima sebagai asas kepada nadi pembangunan dan kemajuan negara. Bagi mencapai pembentukan masyarakat yang beretika dan bermoral ia perlu berlandaskan kepada satu falsafah yang bersendikan agama, dalam hal ini landasan Islam perlu dijadikan paksinya. Dengan majoriti masyarakat Malaysia adalah beragama Islam dan peranan penting Islam dalam membentuk suatu tamadun Melayu-Islam di rantau Asia Tenggara suatu masa dahulu, maka zaman kegemilangan tersebut perlu dikembalikan (Wan Liz Ozman 2000).

Dalam konteks membangunkan usahawan Bumiputera, usaha-usaha melahirkan usahawan Bumiputera yang berjaya juga perlu dilengkapi dengan kemahiran, latihan dan ilmu-ilmu pengurusan (Mat Hassan Esa 1992). Program-program pendidikan dan latihan keusahawanan yang


ditawarkan oleh pelbagai agensi pengendali seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA), Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN), Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia (MARDI), Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), Perbadanan Produktiviti Negara dan institusi-institusi latihan swasta perlu dimanfaatkan oleh usahawan Bumiputera. Dalam masa yang sama usahawan Bumiputera perlu melakukan usaha ke arah peningkatan sendiri dan sahsiah yang boleh diperolehi melalui pendidikan bukan formal dan pendidikan tidak formal. Sungguhpun kejayaan daripada sudut material perlu bagi mendepani keperluan-keperluan dunia moden yang semakin mencabar, usahawan Bumiputera Muslim perlu kembali kepada tuntunan Islam yang telah menyediakan peraturan lengkap dalam setiap aspek kehidupan termasuk dalam bidang keusahawanan.

Seminar Keusahawanan Bumiputera (2002) merumuskan antara lain cabaran usahawan Bumiputera perlu dilihat dalam konteks evolusi ekonomi, dan suasana persekitaran sama ada di wilayah serantau atau di peringkat global. Evolusi yang sedang berlaku didorong oleh pelbagai faktor seperti proses globalisasi, pembukaan pasaran yang lebih luas seperti Pasaran Bebas ASEAN atau AFTA dan kemajuan pesat dalam teknologi maklumat dan komunikasi yang memberi kesan kepada cara perniagaan dan kehidupan harian masa kini. Justeru, pengetahuan memainkan peranan penting yang akan menjadi kunci meningkatkan keupayaan usahawan untuk berdaya saing. Pengetahuan berkaitan teknologi maklumat dan komunikasi atau *Information and Communication Technology* (ICT) mendorong urusan perniagaan secara elektronik yang menjimatkan kos melalui pesanan-pesanan elektronik dalam E-dagang dan pengeluaran *Just-in-Time*. Selain daripada itu penggunaan ICT juga memberi keutamaan kepada *Research and Development* (R&D) produk, proses dan pemasaran serta memberi prioriti yang tinggi kepada peningkatan kualiti modal insan dan kualiti produk. Pengetahuan-pengetahuan tersebut perlu dipunyai oleh usahawan Bumiputera alaf baru.

MEMPERKASA SIKAP KEUSAHAWANAN BUMIPUTERA-MUSLIM

Berdasarkan perbincangan di atas usaha untuk memperkasa budaya niaga Melayu-Islam berteraskan nilai dan etika Islam perlu dilakukan bagi mengembalikan kegemilangan Melayu-Islam dalam perdagangan dan perekonomian sesuai dengan tuntutan ajaran Islam itu sendiri. Kajian-

kajian lepas mendapati masalah utama usahawan bumiputera boleh diringkaskan seperti dalam Rajah 1.



Rajah 1. Faktor-faktor yang mempengaruhi kelemahan budaya niaga Bumiputera Muslim
 Sumber: Buerah Tunggak 2007:304

Rajah 1 menunjukkan faktor-faktor yang mempengaruhi kelemahan budaya niaga Bumiputera Muslim dalam bidang perniagaan. Ia meliputi faktor-faktor demografi seperti latar belakang keluarga bukan daripada kalangan peniaga, kurang pengalaman berniaga dan kurang kesungguhan apabila menjalankan perniagaan. Faktor lain meliputi sikap keusahawanan dalam kalangan usahawan Bumiputera, pengaruh program pendidikan dan latihan keusahawanan serta kompetensi pengurusan aspek perakaunan dan kewangan, sumber manusia, pemasaran dan jaringan perniagaan dalam kalangan usahawan Bumiputera. Faktor sikap keusahawanan berkait rapat

pula dengan faktor persekitaran dan institusi sistem ekonomi yang melingkungi tidak sepenuhnya Islamik di mana berlakunya budaya masyarakat kurang menekankan integriti, masalah birokrasi, rasuah dan kurang ketelusan.

Merujuk kepada aspek sikap keusahawanan, masyarakat Bumiputera perlu ditanam dengan sikap keusahawanan efektif dan beretika yang akan melahirkan ciri-ciri keusahawanan yang selari dengan ajaran Islam seperti jujur dan benar, amanah, keadilan, menepati janji, *ihsan, istiqamah, taufian*, berilmu dan berkemahiran serta keazaman (*iltizam*) yang tinggi. Selain daripada itu isi kandungan program pendidikan dan latihan keusahawanan pula perlu menekankan dari segi ilmu pengetahuan, kemahiran dan keperibadian yang dapat membentuk usahawan Bumiputera PKS meningkatkan budaya niaga yang selaras dengan kehendak ajaran Islam. Perkara ini akan mempengaruhi elemen kemahiran mengurus perniagaan dalam kalangan usahawan Bumiputera yang memerlukan penekanan dalam beberapa aspek seperti kemahiran mengurus perakaunan dan kewangan, sumber manusia, pemasaran dan jaringan perniagaan. Pembangunan budaya niaga usahawan Bumiputera yang mengambilkira elemen-elemen di atas diperlukan bagi melahirkan usahawan Bumiputera Muslim yang berjaya.

Kajian penulis berkaitan Budaya Niaga Usahawan Bumiputera dan Implikasinya Terhadap Pembangunan Keusahawanan Muslim mendapati majoriti usahawan bumiputera hanya menamatkan pendidikan formal pada tahap sekolah menengah. Dapatan tersebut menunjukkan majoriti usahawan bumiputera hanya menerima pendidikan formal selama 11 tahun dan ada yang kurang daripada jangka masa tersebut. Sementara itu ketidakhadiran responden dalam kursus-kursus latihan keusahawanan adalah agak tinggi iaitu 40 peratus dalam kalangan bumiputera sebelum memulakan perniagaan dan 50 peratus setelah menjalankan perniagaan. Peratusan ketidakhadiran dalam program-program latihan yang agak tinggi menunjukkan bahawa sebahagian usahawan Bumiputera tidak mementingkan keperluan menambahkan ilmu pengetahuan dan kemahiran bagi kepentingan perniagaan mereka (Buerah Tunggak 2007). Sepatutnya jangka masa selepas pendidikan formal perlu diisi dengan pendidikan lanjutan yang terancang kerana kegagalan mengisi kekosongan tersebut bagi jangka masa kehidupan yang panjang, akan menyebabkan mereka menghadapi ketidakberuntungan hidup untuk masa-masa akan datang (Sufean Hussin 1996).

Oleh kerana sebahagian besar daripada usahawan bumiputera juga berasal daripada keluarga bukan peniaga, ini bermakna mereka tidak

mendapat pendidikan awal dan pengalaman berkaitan dengan perniagaan daripada institusi kekeluargaan. Faktor-faktor tersebut dengan dibantu oleh pengaruh institusi pendidikan tak formal yang lain seperti persekitaran ekonomi dan masyarakat yang tidak mengamalkan integriti telah mempengaruhi sikap terhadap keusahawanan dalam kalangan usahawan bumiputera itu sendiri. Sikap tidak efektif usahawan bumiputera seperti bergantung berterusan kepada pihak kerajaan, mengamalkan penipuan, menyalahgunakan pembiayaan yang diterima, tidak mahu membayar balik pembiayaan, enggan mengeluarkan zakat perniagaan, sanggup terlibat dengan amalan riba' termasuk meminjam daripada 'ah long', menjual kontrak-kontrak perniagaan yang diperolehi, melobi, dan terlibat dalam amalan rasuah. Di samping itu, usahawan bumiputera juga lemah dari segi pengurusan perakaunan dan kewangan, sumber manusia, pemasaran dan jaringan perniagaan.

Unsur-unsur budaya negatif yang diamalkan oleh usahawan bumiputera jelas bertentangan dengan norma-norma ajaran agama Islam yang sewajarnya menjadi anutan usahawan bumiputera Muslim. Sebaliknya, Islam sebagai satu cara hidup yang lengkap dan sempurna sangat menekankan kecemerlangan umatnya dalam pelbagai lapangan kehidupan termasuk bidang keusahawanan. Oleh itu sebagai agama yang amat menekankan usaha-usaha perniagaan yang dijalankan mengikut syariatnya, Islam hanya memberi pengiktirafan kepada golongan usahawan seperti disebutkan dalam ayat al Quran bermaksud;

Peniaga-peniaga yang tidak dilalaikan oleh perniagaannya daripada mengingati Allah SWT, mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat serta mereka takutkan hari kiamat yang berbalik-balik hati dan pandangan.

(Surah An-Nur : 37)

atau sebagaimana yang di sebut dalam hadith Nabi Muhammad S.A.W.;

Peniaga yang jujur dan boleh dipercayai akan (dikumpulkan pada hari kiamat) bersama-sama para Nabi, mereka yang benar dan mereka yang mati syahid.

(Riwayat at-Tirmizi, hadith ke 1226, at-Tirmidzi, 1993:561)

Pedagang-pedagang akan dibangkitkan pada Hari Kiamat sebagai orang yang melakukan kejahatan, kecuali orang-orang yang takut kepada Allah, jujur dan bercakap benar.

(Riwayat Tirmidzi, hadith ke 1227, Tarjamah Sunan at-Tirmidzi, 1993:562)

Berdasarkan gambaran usahawan yang mahu dilahirkan oleh ajaran Islam menerusi ayat Quran dan hadith di atas, sarjana-sarjana Islam telah mengemukakan beberapa ciri usahawan Muslim yang memenuhi kehendak nilai dan etika Islam. Berdasarkan pandangan beberapa tokoh penulisan seperti Barjoyai Bardai (2000), Ibrahim Abu Bakar (1992) dan Hamzah Ya'qub (1992) antara ciri-ciri usahawan Muslim adalah jujur dan benar, amanah, keadilan, menepati janji, 'ihsan', *istiqamah*, *taufian*, berilmu dan berkemahiran serta keazaman.

Merujuk kepada keperluan mengamalkan ciri-ciri tersebut, pendidikan tidak formal dan pendidikan bukan formal yang berterusan perlu disediakan bagi membantu usahawan bumiputera mengupayakan diri mereka menjadi usahawan bumiputera Muslim berjaya. Sarjana Islam tempatan seperti Hasan Langgulung (1997) dan Mohd. Kamal Hassan (1988) berpendapat pendidikan formal persekolahan sahaja sudah tentu tidak akan dapat mencapai tujuan-tujuan pembangunan individu dan negara, sebaliknya proses pendidikan berterusan akan dapat menyalurkan ilmu pengetahuan, sikap, nilai dan kemahiran yang diperlukan untuk memperbaiki kelemahan yang ada pada individu.

Memandangkan agama Islam adalah agama yang dianuti oleh usahawan bumiputera Muslim, pendekatan Islam mestilah menjadi landasan kepada bentuk pendidikan yang diberi kepada golongan usahawan bumiputera tersebut. Justeru itu usahawan bumiputera Muslim perlu dibangunkan mengikut '*Syariat*' Islam. Pendidikan yang dilaksanakan mestilah mampu melahirkan manusia yang terdidik sedangkan bentuk lahiriah sistem pendidikan yang dilaksanakan boleh berubah mengikut keperluan semasa masyarakat tanpa mengorbankan prinsip asas pendidikan Islam (Mohd. Kamal Hassan 1988). Justeru, pendidikan tersebut mestilah pendidikan yang berteraskan nilai dan etika Islam yang tujuan akhirnya ialah pengabdian diri kepada Allah S.W.T. atau merujuk kepada pendidikan akhlak kerana seluruh aktiviti yang terlibat dalam proses pendidikan adalah pembinaan syahsiah manusia berakhlak mulia (Ghazali Basri 1984). Pendidikan yang menekankan akhlak atau etika mulia dapat menyalurkan perubahan nilai baru bagi mengubah nilai dan etika bertentangan dengan ajaran Islam yang masih dipertahankan oleh masyarakat (Abd Rahim Abd Rashid 2001).

KESIMPULAN

Perbincangan berkaitan dengan konsep budaya menurut perspektif barat dan Islam memberi gambaran yang jelas kaitan antara pengaruh budaya

terhadap pembangunan sesuatu masyarakat. Perspektif Islam jelas meletakkan budaya sebagai sebahagian daripada 'Deen' Islam itu sendiri sedangkan perspektif Barat melihat agama sebagai sebahagian komponen kecil dalam budaya. Sejarah budaya sesuatu masyarakat boleh dijadikan asas bagaimana pembangunan masyarakat itu perlu direncanakan. Dalam konteks masyarakat Melayu-Muslim, agama Islam yang menjadi anutan dan menjadi akar umbi kepada sejarah budaya Melayu perlu dijadikan teras kepada pembangunan masyarakat Melayu. Sebarang penafian terhadap dasar-dasar Islam dalam pembangunan masyarakat Melayu akan hanya menyebabkan kepincangan dalam proses pembangunan itu sendiri. Salah satu aspek penting budaya Islam ialah penekanan terhadap ilmu dan budaya ilmu yang perlu dihayati oleh setiap umat Islam termasuk juga golongan usahawan. Di samping budaya ilmu untuk kecemerlangan keusahawanan, Islam juga menekankan akhlak mulia dalam usaha-usaha perekonomian dan perniagaan untuk memastikan keadilan ekonomi tercapai.

RUJUKAN

- Abd Rahim Abd Rashid. 2001. *Perubahan paradigma nilai ke arah transformasi sosial dan pembentukan Malaysia baru*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Abd Rahman Nawas, Nawawee Mohammad, Omardin Hj Ashaari dan Arip Saaya. 1995. *Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Hj Abdul Majid.
- Abdul Rahman Embong. 2003. *Pembangunan dan kesejahteraan agenda kemanusiaan abad ke 21*. Syarahan perdana jawatan profesor 26 september. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Abdullah Ishak. 1992. *Islam di Nusantara : khususnya di Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam.
- Adnan Nawang. 1998. *Za'ba dan Melayu*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.
- Alatas, Syed Hussein. 1989. *Mitos pribumi malas: Imej orang Jawa, Melayu dan Filipina dalam kapitalisme penjajah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al Attas, Syed Muhammad Naquib. 2003. *Islam dalam sejarah dan kebudayaan Melayu*. Diperoleh pada 16 Mac 2003 daripada Laman Web Dunia: <http://www.penerbit.ukm.my/syed-naquib-sp.pdf>.
- Al Attas, Syed Muhammad Naquib. 1994. Menghadapi cabaran sekularisme. (terjemahan Baharudin Ahmad) *Dewan Masyarakat*, Mac 14-16 dan 23.
- Al Attas, Syed Muhammad Naquib. 1972. *Islam dalam sejarah dan kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al Faruqi, Ismail Raji. 1980. *Islamic culture*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).
- Al Faruqi, Ismail Raji. 1992. *Al Tawhid: Its implication for thought and life*. Herndon, Virginia, USA: The International Institute of Islamic Thought.

- Al Habshi, Syed Othman. 1994 . Pembangunan menurut pespektif Islam. Dlm. Siti Fatimah dan Hamiza (penyunting), *Islam: Penyelesaian permasalahan zaman moden*. Kuala Lumpur: IKIM.
- Al-Muhammady, Muhammad Othman. 2008. Kebudayaan dalam pandangan Islam. <http://www.geocities.com/tradisionalislam>.
- Amran Kasimin. 1995. *Agama dan perubahan sosial di kalangan penduduk Asli di Semenanjung Tanah Melayu*. (terjemahan Fadilah Hj. Ali) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Had Salleh. 1981. Sekolah Melayu, Sekolah Rakyat dan Pondok di Kedah. Konvensyen Sejarah Kedah (Alor Setar, Kedah).
- Azmah Abdul Mannaf. 2001. *Sejarah sosial masyarakat Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Barjoiyai Bardai. 2000. Ciri-ciri keusahawanan yang dinamik di dalam Islam. Seminar Kebangsaan Sistem Ekonomi Islam. Anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) & Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK), Hotel Perdana, Kota Bharu, Kelantan, 5 dan 6 Jun.
- Bates, P.A. & Julian, J. 1975. *Sociology: Understanding social behavior*. London: Houghton Mifflin Company.
- Buerah Tunggak. 2007. Budaya niaga usahawan Bumiputera dan implikasinya terhadap pembangunan dan pendidikan keusahawanan Muslim. Tesis Ph.D. (Pendidikan dan Pembangunan) Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.
- Ghazali Basri (1984). Konsep dan pengertian pendidikan menurut perspektif Islam. *Jurnal Pendidikan Islam*, Bil.2, Oktober, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).
- Hamzah Ya'qub. 1992. *Kode etik dagang menurut Islam, pola pembinaan hidup dalam berekonomi*. Bandung: Penerbit cv. Depongoro.
- Hasan Langgulong 1995. *Pendidikan Islam dan peralihan paradigma*. Shah Alam, Selangor: HIZBI.
- Hng Hung Yong 1998. *Ceo Malaysia strategy in nation-building*. Subang Jaya, Selangor: Pelanduk Publication (M) Sdn. Bhd.
- Ibrahim Abu Bakar. 1992. *Ciri-ciri usahawan Islam*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Ismail Hamid. 1985. *Peradaban Melayu dan Islam*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ismail Hussein. 1997. Antara dunia Melayu dengan dunia kebangsaan. Ismail Hussein, Wan Hashim Wan Teh dan Ghazali Shafie (Pnyt). *Tamadun Melayu menyongsong abad kedua puluh satu*. (edisi kedua). Bangi: Penerbit UKM.
- Kamus Dewan*. 2005. Edisi ke 4. Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Marzuki Mahmood & Kamis Ismail. 1997. Konsep dan ruang lingkup tamadun Islam. Ibrahim Abu Shah, Lelawati Abdul hamid, Mohd Asri Abdullah, Rosita Haji suhaimi, Abd. Shukor Mohd Ali dan Iris S.L.Syawe (ed.). *Kecemerlangan tamadun Islam*. Shah Alam: BIROTEKS institut Teknologi MARA.
- Mat Hassan Esa. 1992. Pelan Induk Budaya Keusahawanan. Chamsuri Siwar, Mohd Yusof Kasim & Abdul Malik Ismail (Pnyt.). *Ekonomi Bumiputra selepas 1990*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamad Abu Bakar. 2000. Islam dalam pembinaan tamadun di Malaysia. Mohd. Taib Osman & A. Aziz Deraman (Pnyl.). *Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm: 21-66.

- Mohamad Abu Bakar. 2005. Islam sebagai budaya dan peradaban di mana, ke mana?. *Majalah Pemikir* 39 dan 40, Januari-April-Jun, hlm: 271-282.
- Mohd Kamal Hassan. 1989. Values education framework based on Islamic concepts and precepts. *Jurnal Pendidikan Islam* 2(3): 71-83.
- Mohd Shukri Salleh. 1986. *Konsep pembangunan berteraskan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Taib Osman. 1989. *Malay folk beliefs an intregration of disparate elements*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Morish, I. 1972. *The sociology of education. An introduction*. Ruskin House London: Goerge Allen and Unwin Ltd.
- Muhammad Abd. Rauf. 1991. *Ummah the Muslim Nation*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Ali Hashim. 1996. Masyarakat Madani Malaysia: Asas dan strategi pelaksanaan (Dari aspek bisnes dan organisasi korporat). Konvensyen Masyarakat Madani Malaysia, UKM, Bangi, 19 - 21 September.
- Mukadimah Ibn Khaldun*. 1995. (terj.) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Anuar Nik Mahmud. 1999. *Sejarah perjuangan Melayu Patani*. Bangi: Penerbit UKM.
- Report of the World Commission on Culture and Development. 1995. Our creative diversity. France, EGOPRIM, hlm. 7-31.
- Sardar, Ziauddin. 1990. *Masa hadapan Islam, bentuk idea yang akan datang*. (terj. Mohd Sidin Ahmad Ishak) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shaharir Mohd. Zain. 1996. Peranan nilai dan budaya dalam pembangunan sains. *Pemikir*: Oktober-Disember.
- Shaharuddin Maaruf. 1988. *Malay ideas on development from feudal lord to capitalist*. Kuala Lumpur: Times Books International.
- Sidi Gazalba. 1983. *Islam dan perubahan sosiobudaya. Kajian Islam tentang perubahan masyarakat*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.
- Sidi Gazalba. 1986. *Masyarakat Islam: Pengantar sosiologi dan sosiografi*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.
- Soerjono Soekanto. 1990. *Sosiologi suatu penghantar*. Jakarta: PT Raja Grafindo Persada.
- Sufean Hussin. 1996. *Pendidikan di Malaysia: Sejarah, sistem dan falsafah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sulaiman M. Yassin. 1995. *Pembangunan berdamping ke arah membantu komuniti miskin*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar (IKD).
- Sutan Takdir Alisjahbana. 1988. *Kebudayaan sebagai perjuangan*. Jakarta: PT. Dian Rakyat.
- Syamsul Alam MS. 1994. Sistem kebudayaan Melayu tradisi dan hubungannya dengan konsep Islam untuk pembangunan sosioekonomi. *Sari - Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu* 12: 17-30.
- Usman Syihab. 2004. Kebudayaan menurut Malik Bennabi. *Pemikir* 35: 119-174.
- Wan Liz Ozman Wan Omar. 2000. *Mengurus agenda Abad 21: Cabaran dan persiapan dalam era globalisasi*. Kuala Lumpur: Golden Books Centre Sdn. Bhd.
- Webster's New Twentieth Century Dictionary*. 2nd Edition. USA: Collins World.

Buerah Tunggak, Ph.D.
Pensyarah Kanan
Fakulti Tamadun Islam
Universiti Teknologi Malaysia
81310 Skudai, Johor, MALAYSIA.
E-mail: buerah@utm.my

Hussin Salamon, Ph.D.
Profesor Madya
Fakulti Tamadun Islam
Universiti Teknologi Malaysia
81310 Skudai, Johor, MALAYSIA.
E-mail: drhussin@utm.my

Alamat Perhubungan :
Tel: 07-5535095 / 07-5535091
Faks: 07-5535101
fti@utm.my

